

**Umno Kelantan Akan Selesai Isu Sebelum PRU – Mustapa  
Bernama  
2 Ogos, 2012**

KOTA BAHARU, 2 Ogos (Bernama) -- Umno Kelantan akan cuba menyelesaikan beberapa isu dibangkitkan pembangkang sebelum pilihan raya umum akan datang untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa isu itu semata-mata untuk meraih undi.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata apa yang dibuat oleh Umno adalah berlandaskan undang-undang negara.

"Kita akan selesaikan setiap isu dengan cara berhemah kerana ia melibatkan undang-undang. Kita mempunyai mahkamah yang memberi ruang kepada semua pihak (untuk berhujah)," katanya kepada pemberita ketika majlis 'Makan Colek Bersama Media' yang dihadiri kira-kira 50 pengamal media di sini, malam Rabu.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata anggota Umno perlu menyokong setiap calon yang dipilih pucuk pimpinan parti pada pilihan raya umum akan datang.

"Kita semua perlu bersatu pada PRU ini kerana jika ada perpecahan, laluan menawan Kelantan dilihat amat sukar,"katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685039>





